

**Suara Chairil Anwar dalam sanubari Joseph Selvam
penyajak Tamil Malaysia**

*(Profesor Madya Dr. Krishnan Maniam,
Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya)*

Puisi adalah genre yang mempunyai kekuatan yang tersendiri dalam melimpahkan perasaan manusia yang terpendam. Ia dapat membawa isu-isu yang kompleks kepada paparan luar dengan mudah. Kebiasaannya perasaan dan pemikiran adalah sesuatu yang sangat sukar untuk ditafsir dan diterangkan pada seseorang yang lain. Tetapi, puisi merupakan genre sastera yang berkesan dalam usaha membongkar perasaan dan pemikiran manusia. Suka, duka, muram, ketawa, runsing, riang, tangis, gembira, kusut, jernih adalah di antara perkara – perkara yang menjadi abstrak dan individu akan menghadapi masalah untuk menterjemahkannya kepada orang lain dengan betul. Tetapi, genre puisi dengan ungkapan-ungkapan yang dipilih dan padat berisi boleh menerangkan maksud sebenar mesej seseorang karyawan.

Di samping itu, puisi juga merupakan suatu dokumen sejarah sosial sesuatu masyarakat. Ini adalah kerana para karyawan bukan sahaja merakamkan perasaan dan pemikiran diri mereka tetapi, mereka juga turut menggambarkan kehidupan masyarakat sekelilingnya. Usman Awang (1983, 132) berkata,

“ Bahan puisi ialah kehidupan seorang penyair harus membukakan pancaindera, fikiran dan perasaannya kepada seluruh kehidupan, dan tidak hanya kepada hal-hal yang bersangkutan dengan diri sendiri sahaja... ”

Dengan demikian, sesbuah puisi itu bukan sahaja mewakili seorang karyawan tetapi keseluruhan masyarakat yang diwakili olehnya. Puisi yang dicipta juga turut memaparkan suatu gambaran secara terperinci mengenai

unsur-unsur kepercayaan dan kebudayaan. Bentuk-bentuk puisi seperti syair, gurindam, seloka, pantun dan sajak adalah karya-karya yang membawa gambaran-gambaran masyarakat dari zaman ke zaman. Pada peringkat awal genre sastera ini digunakan untuk memberi pengajaran kepada masayarakat. Tetapi, konsep ini kini bertukar dan karya merupakan alat pengkritik masyarakat yang paling tajam dan efektif. Kini, bentuk sastera sajak menjadi pengucap yang kritis dan sinis terhadap manusia. Selain daripada penampilan perasaan dan pemikiran karyawan genre-genre ini juga turut memberi kesan yang mendalam kepada para pembaca. Ia akan mengocak kolam rasa dan menusuk sanubari pembaca karana kandungan karya pula digaulkan dengan emosi, imaginasi dan idea. Dengan itu, boleh disimpulkan bahawa genre sajak telah berjaya dalam pemberian maksud dan pengertian liku-liku hidup dan ia ditangani oleh sasterawan dengan berkesan. Chairil Anwar (1967, 78) telah memberi pendapatnya seperti berikut,

“ Sebuah sajak yang menjadi adalah suatu dunia. Dunia yang dijadikan, diciptakan kembali oleh si penyair, diciptakannya kembali, dibentukannya dari benda dan rohani, keadaan alam dan penghidupan sekelilingnya dia mendapat bahan dari hasil-hasil kesenian lain yang bererti bagi dia, berhubungan jiwa dengan dia, dari pikiran dan pendapat orang lain, segala yang masuk dalam tanggapannya, anasir-anasir atau unsur-unsur yang sudah ada dijadikannya, dihubungkannya satu sama lain, dikahwinkannya menjadi satu kesatuan yang penuh (indah serta mengharukan) dan baru, suatu dunia baru, dunia kepunyaan penyair itu sendiri. “

Kenyataan ini, telah menjelaskan penyajak adalah seorang individu yang mempunyai potensi tersendiri di mana pengamatan sasterawan itu akan membawa pengertian yang lebih mendalam terhadap kehidupan. Ini adalah kerana kehidupan ini adalah sesuatu yang kompleks dan ia akan memberi pengertian yang berlainan dalam dimensi yang berbeza-beza.

Penyajak Chairil Anwar dan Joseph Selvam

Chairil Anwar adalah penyajak terulung Indonesia. Beliau dilahirkan di Medan, Sumatera pada 26 Julai 1922 dan meninggal dunia di Jakarta pada 28 April 1949 dalam usianya 27 tahun. Walaupun kehidupannya di dunia ini amat singkat tetapi hasil karyanya cukup bererti dan ia membarakan hati nurani sasterawan kesusasteraan Melayu pada amnya dan khususnya sasterawan Indonesia. Chairil Anwar merupakan penyajak pelopor dalam pengarangannya kerana dia telah menghasilkan suatu penulisan yang sangat tajam dengan penggunaan kata-kata baru. Corak penulisannya adalah berbeda dengan sasterawan Indonesia yang mewarisi Pujangga Baru. Chairil Anwar (1967, 79) sendiri memberi pendapatnya mengenai ciri-ciri sesuatu karya seperti berikut ,

“ Sesebuah sajak , sebuah hasil kesenian menjadi penting dan bererti bukanlah kerana panjangnya atau pendeknya, tetapi adalah kerana tingkatnya, darjatnya, kadarnya. Yang menentukan ini adalah dalamnya (kerana ketinggiannya, keluasannya, jauhnya) penglihatan, kupasan, pandangan si seniman tadi dalam menyatukan, memadukan suasana, kehidupan dan tokoh.”

Dengan itu, Chairil Anwar percaya bahawa liku-liku hidup yang dilalui oleh seseorang penyair adalah faktor utama dalam penentuan kekuatan sajak-sajak tersebut. Ia juga telah memberi pendapat bahawa interaksi seseorang dengan kehidupan dan falsafah kehidupan yang dipegang juga akan menentukan mutu sesuatu karya sastera. Chairil Anwar juga tidak mempunyai cita-cita yang tinggi dalam ciptaan karyanya. Ia juga tidak percaya pada orang-orang yang mengatakan bahawa mereka telah melakukan sesuatu melalui ciptaannya. H.B. Jassin mengemukakan pendapat Chairil Anwar seperti berikut,

" Dia tidak setuju dengan seniman-seniman yang begitu, dapat 'wahyu' begitu pula menuliskannya dan menganggap pekerjaannya sudah selesai. Inilah sebabnya maka hasil seni kita masih dangkal- pichik benar, kata Chairil. Tak lebih dari angin lalu saja. ' Menyejukan kening dan dahipun tidak! jangankan masuk meresap...'"

Justeru itu, boleh dikatakan bahawa Chairil Anwar tidak banyak memberi keberatan kepada pengarang ataupun pencipta karya. Tetapi ia menyatakan karya itu sendiri akan menentukan nasibnya berdasarkan dengan kehebatan menjangkau zaman. Selain daripada itu, Chairil Anwar yang mempelopori sasterawan ' Angkatan 45' telah menerangkan aspek-aspek yang akan menjadi pegangan sasterawan zaman ini dan meluahkan pemikirannya terhadap sasterawan yang mewarisi tradisi seperti berikut,

" Tiap seniman harus seorang perintis jalan. Penuh keberanian, Tenaga hidup,Tidak segan memasuki hutan rimba penuh binatang-binatang buas, mengharungi lautan lebar-tak bertepi, seniman ialah tanda dari hidup yang melepas bebas. Kita anak dari masa lain. Dulu mereka tidak berani berterang-terang, selalu memilih jalan yang liku-liku, sungguhpun mereka membela diri dengan mengatakan pemandangan mereka tentang penghidupan dan segalanya I lebih lebar dan lebih luas. Tetapi aku curiga.."

(H.B. Jassin, 1967, 80)

Pandangan ini telah menunjukkan bahawa Chairil Anwar sudah keluar daripada landasan tradisi sastera yang ditetapkan oleh sasterwan yang terdahulu.

Sebenarnya, Chairil Anwar telah membawa keluar daripada hegemoni Pujangga Baru yang juga mengatakan membuat perubahan-perubahan dalam sastera Indonesia. Meskipun begitu, kemodenan yang ditonjolkan oleh Chairil Anwar adalah suatu lompatan yang jauh dan ia adalah perubahan

paradigm. Kata-kata pilihan Chairil Anwar dalam sajaknya adalah diksi yang penuh dengan makna dan penggunaannya juga sangat berbeza dari teman-teman terdahulu. Ia juga memilih bahasa percakapan sebagai ungkapan sajak-sajaknya yang betul-betul memberi sifat kedaerahan yang ingin diangkat olehnya. Segala kelainan dan cara penyampaian yang tajam telah digemari bukan sahaja sasterawan Indonesia tetapi dalam banyak negara terutamanya di Malaysia, sepetimana teori-toeri poskolonial yang memberi kepentingan kepada teks tetapi bukan pada pengarangnya. Teks juga akan memberi makna yang berbeza-beza berdasarkan kepada pengetahuan dan pengalaman seseorang pembaca yang membacanya.

Dengan itu, penyajak Joseph Selvam berketurunan Tamil telah menceburi penulisan sajak-sajak dalam bahasa Melayu. Ia adalah salah seorang yang melibatkan diri dalam penulisan sajak-sajak dalam bahasa Melayu pada awal-awal lagi iaitu pada tahun 1965. Joseph Selvam dengan jayanya dapat mengorak langkah dalam dunia sajak Melayu adalah kerana Majalah Balai Muhibbah terbitan Kementerian Perpaduan. Majalah ini menggalakan penulis-penulis bukan Melayu menghasilkan karya-karya kreatif. Joseph Selvam mengakui peranan Majalah Balai Muhibbah (Oktober, 1977, 16) seperti berikut,

“ hanya balai muhibbah sahaja yang mengenalkan
saya sebagai seorang penulis, apabila sajak-sajak
dan cerpen-cerpen saya disiarkan. Ini jelas menunjukkan
peranan Balai Muhibbah untuk melahirkan penulis-
penulis bukan Melayu “

Di samping pengakuan ini, beliau juga telah memberitahu bahawa perangsang untuk dirinya pada sajak-sajak adalah sasterawan dari Malaysia dan Indonesia. Ini jelas terbukti bahawa pengaruh Chairil Anwar adalah sangat kuat pada sajak-sajak Joseph Selvam.

Tuhan

Tuhan merupakan tema universal dan ramai menanganinya daripada pelbagai sudut. Chairil Anwar yang tidak banyak memberi pandangan yang serius terhadap Tuhan juga akhirnya menerima hakikat Tuhan. Dalam sajak ‘Doa’ ia telah menyerah kepada Tuhan.

“ Kepada pemeluk teguh
Tuhanku
Dalam termanggu
Aku masih menyebut namamu
Biar susah sungguh
Mengingat kau penuh seluruh
Cahayamu panas suci
Tinggal kerdip lilin di kelam sunyi
Tuhanku
Aku hilang bentuk
Remuk
Tuhanku
Aku mengembara di negeri asing
Tuhanku
Di pintu mu aku mengetuk
Aku tidak bisa berpaling”

Dalam sajak ini, Chairil Anwar yang sering dikatakan sebagai seorang yang devian dan tidak berada dalam arus perdana, tidak berminat pada hal-hal ketuhanan. Tetapi sajak ini telah menunjukkan bahawa ia juga percaya pada Tuhan dan ia juga berpeluang menemu kembali Tuhan Yang Maha Esa.

Sajak ini juga telah memberi kesan pada Joseph Selvam yang menghasilkan sajak berjudul “Ku Temui Kau”. Dalam sajak ini, penyajak telah merakamkan pengalaman ketuhanannya.

" Ku cari kau
Di tebing sungai
Di taman bunga
Di lereng gunung
Di hutan rimba
Ku cari kau
Di senyuman bunga
Di pemandangan indah
Di lautan bait-bait puisi
Di siulan unggas-unggas murni
Pada suatu senja
Ketika aku duduk kesepian
Suatu suara dalam hembusan bayu
Membuka rahsia
Dan aku mula mengenal kau
Dan dengan tiba-tiba
Ku rasa terlalu dekat dengan mu
Dekat dalam hati nuraniku
Dengan rasa bahagia
Melimpah setiap ruang jiwa
Ku sebut nama kau sampai ke urat nadi
Dengan denyut ghairah meresap
Ku sujud ke arah Mekah
Menyembah kau"

Sajak Joseph Selvam juga menunjukkan betapa tekad hatinya ingin berjumpa dengan Tuhan. Sajak ini juga seperti dalam 'Doa' iaitu mencari tuhan merata-rata sehingga mengembara negeri asing. Pada akhir sajak, kedua-dua penyajak menemui Tuhan dengan cara yang tersendiri. Chairil Anwar telah mengatakan bahawa ia mengetuk pintu Tuhan dan tidak akan berpaling dari arahnya. Joseh Selvam pula telah menemui Tuhan ke arah Mekah dan ia terus akan menyembahnya.

Politik

Walaupun terdapat beberapa sajak Chairil Anwar menyentuh isu politik, sajak “Persetujuan dengan Bung Karno” pula membawa erti yang lebih mendalam. Ini adalah kerana sajak ini menerangkan situasi Negara Indonesia setelah merdeka.

Ayo! Bung Karno kasi tangan mari kita bikin janji
Aku sudah cukup lama dengan bicaramu
Dipanggang di atas apimu, digarimu lautmu
Dari mulai tgl. 17 august 1945
Aku melangkah kedepan berada rapat di sisimu
Aku sekarang api aku sekarang laut
Bung Karno! Kau dan Aku satu zat satu urat
Di zatmu di zatku kapal-kapal kita belayar
Di uratmu di uratku kapal-kapal kita bertolak & berlabuh

Dalam sajak ini Chairil Anwar telah berjanji dengan Presiden negara Indonesia bahawa ia akan bertungkus lumus dalam usaha membina negara Indonesia. Di sini Chairil Anwar bukan seorang tetapi ia adalah wakil rakyat Indonesia,

Dalam sajak “Pada Negara ini” Joseph Selvam telah menyuarakan isi hatinya terhadap tanggungjawabnya kepada negara. Di sini juga, Joseph Selvam bukanlah seorang individu tetapi, ia mewakili seluruh rakyat yang kini menikmati kemerdekaan.

“ Pada negara ini
Segala kesetiaan ku
Tidak kemana lagi!
Di antara berbilang bangsa
Sebuah dangu didirikan
Dengan harmoni

Penghuni-penghuni sukaria
Tanpa menghiraukan
Keturunan bangsa
Pelukan agama
Pertuturan bahasa
Saling wujudkan
Suasana Muhibbah
Sentiasa eratkan
Tali persaudaraan
Negaraini
Tanah tumpah darahku
Ibu pertiwi
Pada negara ini
Kucurahkan
Segala kesetiaanku
Segala cintaku
Selama-lamanya

Sepertimana Chairil Anwar berjanji pada Bung Karno, Joseph Selvam berjanji bahawa segala budinya akan ditaburkan dalam negara ini demi kesejahteraan negara ini. Walaupun Chairil Anwar tidak memasukkan unsur pelbagai kaum dalam sajaknya, Joseph Selvam tidak melupakan usaha kerajaan dalam menyatupadukan rakyat pelbagai kaum demi kejayaan yang sebenar dan mencapai cita-cita murni mendapatkan kemerdekaan.

Cinta

Cinta adalah suatu tema yang universal dan semua karyawan akan memulakan penghasilan karya mereka dengan menggunakan tema. Di sini, Chairil dan Joseph Sevam telah menunjukkan cinta yang tinggi nilainya. Dalam kedua-dua sajak didapati persaan cinta mengalir dengan penuh perasaan. Sajak Chairil Anwar yang berjudul, " Dengan Mirat " membicarakan

perasaan cinta itu antara maya dan alam nyata. Bayangan cinta masih membua kedua-dua merpati sejoli dan memberi peluang supaya mereka dapat memahami satu sama lain di samping menumpang kasih.

“ Kamar ini jadi sarang penghabisan
Di malam yang hilang batas
Aku dan engkau hanya menjengkau
Rakit hitam
' kan terdamparkah
Atau terserah
Pada putaran hitam?
Matamu ungu membatu
Masih berdekapankah kami atau
Mengikut juga bayangan itu”

Dalam sajak ini, Chairil Anwar hanya menggunakan kata-kata yang mudah sahaja tetapi cinta yang dikatakan itu adalah sangat kuat.

Sajak Joseph Selvam pula yang bertajuk ‘ Kasih Sayang’ membawa kisah cinta yang erat. Kedua-dua kekasih yang digambarkan dalam sajak ini mengharungi kehidupan cinta yang sejati.

“ Kasih sayang
Antara cahaya ke emasan bulan
Dan angin lembut membisikan cintamurni
Kemesraan
Dalam kesunyiaan
Antara dakapan
Merangkum sebuah pendakian
Keriaan hidup melimpah
Kenikmatan mengalir
Dalam arus madu jabat
Pada lautan beralun lembut
Berkicau burung keriangan
Melihat damai sebuah pantai

Joseph Selvam telah membawa keriangan dunia ini dalam kehidupan kedua-dua orang yang dilamun cinta. Seperti Chairil Anwar, ia ingin menjelaskan kesucian dan kemurnian cinta dan kasih. Sajak Joseph Selvam juga tidak memakai perbendaharaan kata yang susah difahami tetapi mudah dan jelas. Ia juga berusaha untuk mencapai tujuannya iaitu cinta adalah sesuatu yang harus disanjungi.

Keinsafan

Penyajak selalunya akan mengenal diri terlebih dahulu sebelum menguji isu-isu lain. Dengan demikian, Chairil Anwar dan Joseph Selvam telah menghasilkan sajak-sajak individualistik iaitu perasaan diri mereka. Chairil Anwar dalam sajak berjudul ‘Penerimaan’ ingin menjelaskan perasaan dirinya.

“ Kalau kau mau ku terima kembali
Dengan sepenuh hati
Aku masih tetap sendiri
Kutahu kau bukan yang dulu lagi
Bak kembang sari sudah terbagi
Jangan tunduk! Tentang aku dengan berani
Kalau kau mau ku terima kembali
Untukku sendiri tapi
Sedang dengan cermin aku enggan berbagi

Sajak begini boleh ditafsir daripada pelbagai sudut. Walaupun sajak ini memaparkan isu keinsafan tetapi ia juga boleh dilihat sebagai cerminan diri.

Joseph Selvam pula membicarakan suasana mengharapkan keinsafan daripada pihak lain dalam sajaknya ‘Pembangkang’. Di sini, Joseph Selvam

tidak mengatakan siapa dia pembangkang tetapi, ia merujuk kepada sesiapa yang merosakkan perpaduan.

"aku menanam
Pohon-pohon muhibbah
Di tanam jiwaku
Setiap hari
Dengan berhati-hati
Kusiramnya
Dengan air toleransi
Dengan baju berbudi
Bila ia berbunga perpaduan
Ku ajak kau memetik
Menyerikan sanggulmu
Kau pula datang
Bermuka garang
Dengan parang
Dan akupun sedari
Kesilapanku"

Dalam sajak ini, penyajak cuba menginsafkan orang yang belum mengenali aspek perpaduan dan keharmonian. Di samping itu, Joseph Selvam juga ingin menerangkan bahawa orang yang membina perpaduan juga harus insaf bahawa mereka juga mempunyai tanggungjawab untuk berusaha memupuk perpaduan dalam kalangan semua orang.

Lain-lain

Selain daripada perbincangan, isu-isu pemaparan dalam sajak penyajak Tamil Malaysia juga merasai pengaruh pengucapan sajak. Sajak Chairi Anwar menggunakan perkataan-perkataan singkat untuk menghujah mesejnya. Cara ini juga digunakan oleh Joseph Selvam dalam sajak-

sajaknya. Sajak Joseph Selvam yang berjudul, ‘ Belantara’ membawa perkataan singkat untuk menerangkan mesej yang abstrak.

“ Dunia ini
Adalah
Sebuah belantara
Iblis & Syaitan
Buas
Ganas
Menghisap darah
Mencekik leher
Dengan cara paling kejam”

Chairil Anwar telah menarik perhatian penyajak dalam aspek penggunaan perkataan singkat yang boleh memberi makna yang cukup besar. Perkataan ini juga seperti jarum-jarum yang boleh menusuk hati.

Kesimpulan

Pengolahan sajak Chairil Anwar adalah sesuatu yang lain daripada yang lain. Ia merupakan suatu berontakan kepada hegemoni yang sekian lama mengongkong dunia sastera. Tetapi kehadiran Chairil Anwar telah memecahkan institusi yang ingin mentadbir dunia sastera dengan berbagai-bagi peraturan. Tetapi, pemudahan pengucapan yang dikenalkan oleh Chairil Anwar bukan sahaja menjadi suatu penerokaan untuk sajak-sajak Indonesia, malah penyajak-penyajak Malaysia juga menerima pengaruhnya.

Bibliografi :

1. Dr. Faruk, 1999, Pengantar Sosiologi Sastera, Yogyakarta : Pustaka Pelajar.
2. Hamzah Hamdani, 1988, Pemikiran Sastera Nusantara, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. H. B. Jassin, 1967, Kesusasteraan Indonesia Modern dalam kritikan dan Esei, Melaka : Penerbitan Abass Bandong.
3. Majalah Balai Muhibbah, 1975,1976,1977,1987.
4. Raja Raeswary, 2002, Nada-nada Islam dalam Sajak-sajak Joseph Selvam, Al Islam, September.
5. Umar Junus, 1981, Mitos dan Komunikasi, Jakarta: Penerbit Sinar Harapan.